



**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI
DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**TARIKH IKLAN: 30 DISEMBER 2017
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 13 JANUARI 2018
BILANGAN IKLAN: 95/12/17 (SPA/BIKL)**

PERATURAN 7(a)-LUAR BIDANG

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.



- | |
|--|
| <p>1. MERBUT
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
E.2-3 EB.4 (\$590 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Hendaklah berumur tidak kurang dari 20 tahun.
3. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang-bidang berikut :-
 - i) Membaca dan menulis jawi.
 - ii) Membaca Al-Quran secara bertajwid.
 - iii) Menyempurnakan jenazah.
 - iv) Membaca tahlil dan doa.
 - v) Menyampaikan Azan dan Iqamah dengan baik.
 - vi) Tahu hukum-hukum bersuci dan sembahyang.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MERBUT:

1. Membersih bahagian dalam bangunan masjid.
2. Membentang tikar / sejadah.
3. Memvakum karpet dan membersihkan cermin.
4. Menyusun / mengemas Al-Quran dan kitab-kitab.
5. Mengemas dan membersihkan harta benda masjid seperti cokmar, mimbar, jam dan lain-lain.



6. Membersihkan dan mengemas bilik-bilik iaitu bilik pejabat Imam, perpustakaan, sistem pengukuhan bunyi (*P.A System*), mesyuarat dan dapur.
7. Membantu tugas-tugas Bilal semasa ketiadaan Bilal seperti keuzuran.
8. Menjadi pelapis Bilal (apabila diperlukan).
9. Mengikuti majlis / aktiviti keagamaan / takmir yang diadakan di masjid.
10. Menjadi tenaga pengajar kelas Al-Quran dan Muqaddam (apabila diperlukan).
11. Mengendalikan urusan suka duka masyarakat (fardhu ain dan fardhu kifayah).
12. Mengawasi kelengkapan jenazah dan kereta jenazah.
13. Bekerjasama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.
14. Menerima arahan dari semasa ke semasa daripada Pengarah atau Ketua Imam.



PERINGATAN:

1. Bagi iklan jawatan bilangan I adalah dipelawa kepada orang rami dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Awam.
2. Tarikh Iklan : **30 DISEMBER 2017**
3. Tarikh Tutup : **13 JANUARI 2018**
4. Tempat menghantar Borang Permohonan :

**UNIT PENGAMBILAN KAKITANGAN, TINGKAT 3,
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

PEMBERITAHUAN:

1. Penggunaan Borang SPA/1
 - a Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.
 - b Semua pemohon dikehendaki mengisikan **SATU (1) Borang SPA/1 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.**
 - c Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.
 - d Borang SPA/1 boleh didapati dilaman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik "Muat Turun" kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**
 - e **Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.**
 - F Pemohon hendaklah menyertakan **dua keping gambar terkini berukuran passport.**
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan.**